

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SEGAMBUT)**

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN (SEGAMBUT) minta **PERDANA MENTERI** menyatakan keseluruhan peruntukan yang ditanggung oleh Kerajaan akibat peletakan jawatan Perdana Menteri ke-8 dan Jemaah Menteri serta jumlah perbelanjaan yang berkaitan untuk pelantikan baharu.

JAWAPAN

**YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS TUGAS KHAS)**

Tuan Yang Di Pertua,

1. Secara asasnya, tiada sebarang implikasi kewangan tambahan kesan daripada peletakan jawatan Perdana Menteri ke-8 dan Jemaah Menteri serta pelantikan baharu. Ini adalah disebabkan tiada pertambahan Kementerian atau portfolio baharu. Semua perbelanjaan adalah selaras dengan kelulusan peruntukan belanja tahun 2021 seperti yang telah diluluskan pada tahun sebelumnya.

Sekian, terima kasih